

Tambang baru bas

BH 19 AUG 2000

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR, Jumaat—Sistem tambang baru perkhidmatan bas berhenti-henti mengikut zon di ibu kota dan kawasan sekitarnya akan mula dilaksanakan mulai 1 Oktober ini, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz.

Katanya, sistem baru itu membabitkan 14 syarikat bas dan kementerian akan mengadakan pertemuan dengan mereka tidak lama lagi.

“Bagaimanapun, pengusaha bas hanya dibenar menggunakan pakai kadar

Penggunaan kadar tambang baru mengikut zon cuma dibenar selepas diluluskan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

tambang baru mengikut zon ini setelah mendapat kelulusan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Wilayah Tengah dengan menghantar jadual tambang dan jadual perjalanan baru.

“Mereka (pengusaha) yang mengenakan tambang

baru mengikut sistem zon ini tanpa kelulusan akan berhadapan dengan kemungkinan pemansuhan lesen,” katanya selepas perasmian Persidangan dan Pameran Francais 2000 (FIM) oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

di sini, semalam.

Mulai 1 Julai lalu tambang bas ekspres dan bas berhenti-henti di seluruh negara antara 13.33 peratus hingga 33.33 peratus. Tetapi pengguna hi Lembah Klang membayar lebih apabila kerajaan turut meluluskan kenaikan antara 40 peratus hingga 50 peratus.

Kawasan Kuala Lumpur dan sekitarnya dibahagikan kepada empat zon dengan Zon 1 meliputi kawasan sekitar empat kilometer dari pusat bandar sementara Zon 2,3 dan

4 adalah meliputi kawasan sekitar lima kilometer daripada sempadan setiap zon.

Kerajaan juga menetapkan kadar tambang baru untuk setiap zon iaitu Zon 1, 70 sen untuk berhawa dingin dan 60 sen untuk bas biasa; Zon 2 RM1.20 dan RM1.05; Zon 3 RM1.60 dan RM1.40 dan Zon 4 RM2 dan RM1.75.

Bagaimanapun, perjalanan dari satu tempat ke tempat lain dalam mana-mana satu zon adalah 70 sen bagi bas berhawa dingin dan 60 sen bagi bas

1 Oktober

biasa biarpun perjalanan itu melingkari kawasan lebih empat kilometer.

Perjalanan dari satu tempat di dalam satu zon ke satu tempat di dalam zon berikutnya (melintasi zon) adalah RM1.20 bagi bas berhawa dingin dan RM1.05 bagi bas biasa).

Kadar tambang perjalanan dalam zon yang sama adalah lebih murah berbanding kadar tambang bas berhenti-henti.

Contohnya, tambang bas berhenti-henti hawa dingin bagi perjalanan lima kilometer adalah 80 sen. Per-

jalan lima kilometer kebanyakannya adalah perjalanan dalam satu zon (seperti Jalan Yap Ah Loy ke Lot 10, Jalan Hang Lekiu ke KLCC tambangnya 70 sen).

Sementara perjalanan dari satu tempat di dalam satu zon ke satu tempat di dalam zon berikutnya (melintasi dua zon adalah RM1.60 dan RM1.40). Jika melintasi tiga zon tambangnya adalah RM2.00 dan RM1.75.

Bagi perjalanan jauh melintasi tiga zon jarak perjalanan biasanya mele-

bihi 25 kilometer (seperti dari Kota Raya ke PKNS Subang; Jalan Sultan Mohamad ke Seksyen 17 Shah Alam; Jalan Chkg Lock ke Taman Seri Muda) tambang baru adalah RM2 berbanding sekarang).

Bagi penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas yang perjalanannya lebih dua zon, peruntukan akan disediakan bagi membolehkan mereka mendapat potongan kadar tambang diskaun secara mingguan atau bulanan mengikut kadar yang akan ditentukan kementerian.